

PELUANG KERJAYA

Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB).

BIL	JAWATAN	SYARAT AM	SYARAT KHUSUS	SYARAT PSL PENINGKATAN SECARA LANTIKAN
1.	EKSEKUTIF (JURU AUDIT) Bertanggungjawab menjalankan semakan dan penilaian ke atas sistem kewangan, operasi, dan pematuhan dasar organisasi. Tugas utama termasuk merancang dan melaksanakan audit dalaman, menyediakan laporan audit, serta mencadangkan penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan dan integriti proses kerja. Perlu memastikan semua aktiviti mematuhi polisi, prosedur, serta peraturan yang ditetapkan. Selain itu, bekerjasama dengan jabatan lain untuk memantau tindakan susulan audit dan menyokong pengurusan risiko serta kawalan dalaman organisasi. Keperluan: Satu (1) Orang <u>Penempatan:</u> Ibu Pejabat KPTMSB	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Lulus Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.	a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Kewangan, Audit ATAU bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; b) Sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam bidang audit dalaman atau luaran. c) Keutamaan kepada calon yang mempunyai kelayakan profesional seperti CIA / ACCA / CIMA / CPA atau dalam proses mendapatkan kelayakan tersebut.	Staf sokongan yang sedang berkhidmat di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) adalah layak untuk memohon sekiranya memenuhi syarat seperti berikut: a) Mempunyai kelayakan seperti syarat khusus; dan b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan c) Disokong oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

PELUANG KERJAYA

2.	EKSEKUTIF (JUALAN & PEMASARAN) Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan strategi pemasaran bagi menarik kemasukan pelajar baharu ke KPTM. Skop tugas merangkumi pengendalian kempen promosi, pengurusan media sosial, serta penyertaan dalam pameran pendidikan dan program kerjasama dengan sekolah dan agensi luar. Menyediakan laporan berkala berkaitan prestasi jualan dan pemasaran, serta terlibat dalam penghasilan bahan promosi yang menarik dan berkesan. Bertindak sebagai wakil KPTM dalam aktiviti promosi luar dan perlu sentiasa memantau keberkesanan strategi pemasaran yang dilaksanakan. Keperluan: Dua (2) Orang <u>Penempatan:</u> Ibu Pejabat KPTMSB & Kuching, Sarawak	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Lulus Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.	a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pemasaran, Komunikasi, Pengurusan Perniagaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; b) Pengalaman sekurang-kurangnya 1–2 tahun dalam bidang jualan dan pemasaran, khususnya dalam sektor pendidikan adalah satu kelebihan. c) Mahir menggunakan media sosial, pemasaran digital dan alatan promosi. d) Berkebolehan merancang dan melaksanakan strategi pemasaran serta aktiviti pengambilan pelajar e) Keutamaan akan diberikan kepada anak jati Sarawak atau calon yang menetap di Sarawak.	Staf sokongan yang sedang berkhidmat di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) adalah layak untuk memohon sekiranya memenuhi syarat seperti berikut: a) Mempunyai kelayakan seperti syarat khusus; dan b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan c) Disokong oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
----	---	---	--	--

PELUANG KERJAYA

3.	EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN KERJAYA) Bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau program pembangunan kerjaya pelajar dan graduan KPTM/UPTM serta menjalin hubungan strategik dengan alumni. Menganjurkan program seperti bengkel kerjaya, temuduga terbuka, seminar industri dan karnival kerjaya bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Menguruskan pangkalan data alumni, menjalankan kajian pengesanan graduan serta membina jaringan kerjasama dengan majikan dan rakan industri. Berperanan dalam mempromosikan penglibatan aktif alumni melalui pelbagai platform termasuk media sosial, laman web dan aktiviti alumni yang menyumbang kepada pembangunan institusi Keperluan: Satu (1) Orang <u>Penempatan:</u> KPTM Kuantan	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Lulus Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.	a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia, Kaunseling, Psikologi, Pembangunan Kerjaya, Pengurusan Perniagaan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan. b) Mempunyai kemahiran interpersonal dan jaringan profesional yang baik, terutamanya dalam mengurus hubungan dengan alumni dan pihak industri. c) Berpengalaman dalam bidang pembangunan kerjaya, pengurusan alumni, kaunseling kerjaya atau hubungan industri adalah satu kelebihan.	Staf sokongan yang sedang berkhidmat di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) adalah layak untuk memohon sekiranya memenuhi syarat seperti berikut: a) Mempunyai kelayakan seperti syarat khusus; dan b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan c) Disokong oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
-----------	--	---	--	--

PELUANG KERJAYA

4.	EKSEKUTIF (JAMINAN KUALITI) Bertanggungjawab membantu dalam merancang, melaksana dan memantau sistem jaminan kualiti di KPTM selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh agensi penarafan dan pengiktirafan seperti MQA. Tugas ini termasuk menyelaras audit dalaman, menyemak dokumen polisi dan prosedur, serta memastikan pematuhan terhadap standard kualiti dalam aspek akademik dan pengurusan. Berperanan dalam menyediakan laporan penilaian prestasi, menyelaras sesi latihan berkaitan kualiti, serta menyokong usaha penambahbaikan berterusan bagi mengekalkan kecemerlangan KPTMSB. Keperluan: Satu (1) Orang <u>Penempatan:</u> KPTM Alor Setar	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Lulus Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.	a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan, Pengurusan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan b) Pengalaman minimum 1 tahun dalam bidang jaminan kualiti atau pengurusan akademik adalah satu kelebihan; dan c) Kemahiran menganalisis data dan membuat laporan dan mampu bekerja secara sistematik serta teliti.	Staf sokongan yang sedang berkhidmat di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) adalah layak untuk memohon sekiranya memenuhi syarat seperti berikut: a) Mempunyai kelayakan seperti syarat khusus; dan b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan c) Disokong oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
----	--	---	---	--

PELUANG KERJAYA

5.	PEMBANTU OPERASI Bertanggungjawab membantu tugas-tugas asas dalam pengurusan kewangan dan perakaunan harian. Ini termasuk mengurus dan menyusun dokumen kewangan seperti baucar bayaran, invois dan resit, serta menghantar dokumen kepada jabatan berkaitan. Membantu dalam kerja-kerja pemfailan, pengemaskinian rekod kewangan, dan memastikan segala dokumen disimpan dengan teratur dan selamat. Membuat semakan dokumen asas, serta membantu pegawai kewangan dalam tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa. Keperluan: Satu (1) Orang <u>Penempatan:</u> Ibu Pejabat KPTM	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Mempunyai Diploma dalam bidang Pengurusan, Pentadbiran Awam, Perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan d) Kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan e) Mempunyai kemahiran asas komputer (Microsoft Word, Excel, dan lain-lain perisian pejabat).	Staf sokongan yang sedang berkhidmat di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) adalah layak untuk memohon sekiranya memenuhi syarat seperti berikut: a) Mempunyai kelayakan seperti syarat khusus; dan b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan c) Disokong oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
-----------	--	---	---

PELUANG KERJAYA

6. PEMBANTU PENTADBIRAN Pembantu Pentadbiran (Setiausaha) kepada Naib Canselor bertanggungjawab menguruskan hal ehwal harian pejabat Naib Canselor termasuk menyusun jadual, mengatur temujanji, serta memastikan semua urusan berjalan lancar dan teratur. Calon juga bertugas menyediakan surat-menyurat rasmi serta menyimpan dokumen dan fail secara teratur dan sulit. Menjadi penghubung antara Naib Canselor dengan fakulti, jabatan, dan pihak luar, termasuk menjawab panggilan telefon dan emel rasmi. Membantu dalam penyediaan bahan mesyuarat, mencatat minit, dan mengurus keperluan logistik bagi program atau lawatan rasmi. Menjaga kerahsiaan semua maklumat yang diterima serta sentiasa bersikap profesional dalam setiap tugas. Keperluan: Satu (1) Orang <u>Penempatan:</u> Universiti Poly-Tech Malaysia	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Mempunyai Diploma dalam bidang Kesetiausahaan, Pentadbiran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan d) Kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan e) Mempunyai kemahiran asas komputer (Microsoft Word, Excel, dan lain-lain perisian pejabat) ; dan f) Mempunyai pengalaman kesetiausahaan.
--	--

PELUANG KERJAYA

7.	KERANI Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pentadbiran harian termasuk pemfailan, penyediaan dokumen, pengurusan surat-menyurat dan rekod pejabat. Membantu dalam pengendalian data, menjawab pertanyaan asas, serta menyokong operasi jabatan agar berjalan dengan teratur dan cekap. <u>Penempatan:</u> Semua cawangan KPTM dan UPTM	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c) Kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. d) Mempunyai kemahiran asas komputer (Microsoft Word, Excel, dan lain-lain perisian pejabat). e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang pentadbiran/kerani adalah satu kelebihan. f) Calon yang mempunyai pengalaman kerja sebagai Penyelenggara Stor akan diberi keutamaan.
----	---	--

PELUANG KERJAYA

PERMOHONAN

1. Calon yang memenuhi kriteria seperti berikut adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan secara rasmi dengan melampirkan salinan dokumen seperti berikut:
 - a. Keterangan peribadi (resume) dan gambar terkini berukuran pasport
 - b. Salinan kad pengenalan
 - c. Salinan sijil-sijil akademik yang berkaitan.
 - d. Surat rasmi permohonan dan dinyatakan jawatan yang dimohon dalam surat tersebut.
2. Untuk permohonan secara **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**, calon perlu bersetuju dengan syarat-syarat lantikan seperti yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Pelaksanaan PSL Bagi Staf Bukan Akademik Di Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.**

PERMOHONAN YANG LENGKAP HENDAKLAH DIHANTAR MELALUI:

- 1) EMAIL recruitment@gapps.kptm.edu.my (Nyatakan jawatan yang dimohon pada tajuk email)

ATAU

- 2) ALAMAT: PENGARAH KANAN
JABATAN MODAL INSAN
IBU PEJABAT KOLEJ POLY-TECH MARA
ARAS 4, JALAN 7/91, TAMAN SHAMELIN PERKASA
56100 KUALA LUMPUR

SEBELUM ATAU PADA 31 JULAI 2025 (KHAMIS)

HANYA CALON YANG DISENARAI PENDEK SAHAJA YANG AKAN DIPANGGIL UNTUK TEMUDUGA